



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



GARIS PANDUAN KENAIKAN PANGKAT KAKITANGAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

EDISI KEDUA

Kata Alu-aluan

NAIB CANSELOR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia...

Peningkatan kepada martabat dan prestij universiti sebagai institusi masyarakat yang unggul, progresif dan terkemuka adalah bergantung kepada kredibiliti dan kewibawaan kumpulan ahli akademik yang menerajui sesebuah Universiti. Justeru itu, Buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah Edisi Kedua ini diterbitkan untuk dijadikan rujukan dan panduan kepada semua ahli akademik dalam mencapai kecemerlangan ilmiah dalam pelbagai bidang ilmu menerusi pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, penerbitan dan khidmat masyarakat. Buku garis panduan ini juga menerangkan dengan lebih terperinci mengenai kriteria-kriteria yang diperlukan bagi memantapkan kredibiliti, kewibawaan serta kesarjanaan sebagai seorang ahli akademik serta menjelaskan tentang proses, prosedur dan kriteria kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor. Garis panduan ini amat penting dalam menetapkan tanda aras minimum bagi sesuatu urusan kenaikan pangkat dan memastikan kenaikan pangkat ahli akademik adalah berdasarkan merit dan sumbangan mereka dalam pembangunan UMS.

Saya mengharapkan agar buku garis panduan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh seluruh ahli akademik dan menjadikannya sebagai satu sasaran dalam mempertingkatkan kemaliman sarjana dalam bidang masing-masing. Saya juga menaruh kepercayaan bahawa buku ini akan menjadi sumber rujukan dan panduan penting untuk meningkatkan motivasi di kalangan ahli akademik. Harapan saya, garis panduan ini dapat diikuti sepenuhnya agar kualiti dan kredibiliti seorang ahli akademik dipelihara demi mencapai hasrat Universiti untuk menjadi sebuah Universiti berinovatif yang bertaraf dunia.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Pendaftar atas usaha menerbitkan buku garis panduan ini, serta tidak lupa kepada barisan ahli yang telah sama-sama menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam menghasilkan buku garis panduan ini.

Wassalam.



Kata Alu-aluan

PENDAFTAR



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera..

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menggubal Buku Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah ini. Ini merupakan Garis Panduan Edisi Kedua dan merupakan penambahbaikan terhadap garis panduan yang telah dikeluarkan dan digunakan sebelum ini. Saya percaya bahawa garis panduan ini merupakan satu langkah yang berkesan bagi menyebarkan dan memberikan pemahaman yang jelas kepada semua pihak khususnya ahli akademik di Universiti ini mengenai kriteria-kriteria serta keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti dalam sesuatu urusan kenaikan pangkat.

Jabatan Pendaftar akan sentiasa memberikan komitmen dan kerjasama yang padu dalam membantu Universiti mempertingkatkan mutu penyampaian di samping menjaga kualiti dan profesion ahli akademik agar terus setanding dengan ahli akademik di persada antarabangsa. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memperkuatkannya inisiatif sedia ada termasuklah penambahbaikan terhadap garis panduan ini. Saya berharap agar garis panduan ini akan dijadikan rujukan dan panduan bagi memastikan proses kenaikan pangkat yang dijalankan lebih teratur, telus, dan mengikut prosedur yang sepatutnya.

Akhir kata, sekali lagi ucapan penghargaan dan terima kasih tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam usaha menggubal garis panduan ini. Semoga usaha ini dapat meningkatkan kredibiliti dan kualiti ahli akademik di Universiti ini dalam membantu mencapai visi dan misi Universiti.

Wassalam.

LT. KOL (K) DATUK ABDULLAH HJ. MOHD SAID

BIL TAJUK	MUKA SURAT
1.0 PENDAHULUAN	5
2.0 TUJUAN	5
3.0 PUNCA KUASA	5
4.0 GLOSARI	5 - 6
5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB	7 - 8
6.0 PENGIKLANAN DAN PELAWAAN KENAIKAN PANGKAT	8
7.0 PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON KENAIKAN PANGKAT	8
8.0 PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MEMOHON KENAIKAN PANGKAT	9
9.0 LAPORAN PENILAI LUAR UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR	9
10.0 TARikh KENAIKAN PANGKAT	10
11.0 PENGECUALIAN SYARAT	10
12.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA	10
13.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT	10 - 13
14.0 DEFINISI KRITERIA-KRITERIA KHUSUS KENAIKAN PANGKAT	14 - 15
15.0 ALIRAN KERJA PROSES KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS52 DAN PROFESOR MADYA GRED DS / DU54	16
16.0 ALIRAN KERJA PROSES KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)	17
17.0 MARKAH MAKSIMUM SETIAP KRITERIA PENILAIAN MENGIKUT JAWATAN YANG DIPOHON	18
18.0 PERINCIAN Kaedah PERMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS52	20 - 22
19.0 PERINCIAN Kaedah PEMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DS54	24 - 27
20.0 PERINCIAN Kaedah PEMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR MADYA GRED DU54	28 - 31
21.0 PERINCIAN Kaedah PEMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)	34 - 37
22.0 PERINCIAN Kaedah PEMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7-PERUBATAN)	38 - 41
23.0 TANDA ARAS KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)	42
24.0 KRITERIA KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS B (VK6) DAN GRED KHAS A (VK5)	44 - 46
25.0 KENAIKAN PANGKAT GURU BAHASA SECARA FLEKSI	48

1.0 PENDAHULUAN

Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik ini disediakan bagi menjelaskan syarat dan kriteria yang digunakan oleh Universiti Malaysia Sabah (UMS) dalam penilaian calon untuk dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Kanan, Profesor Madya dan Profesor.

Garis panduan ini adalah penambahbaikan terhadap Garis Panduan Kenaikan Pangkat Kakitangan Akademik Universiti Malaysia Sabah yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil.11 / 2011 (Kali Ke-36) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Kali Ke-48.

Cadangan penambahbaikan ini telah diluluskan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) Bil. 7 / 2013 (kali ke-162) dan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti kali ke-55.

2.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk:

- a) Menerangkan dasar, proses dan prosedur kenaikan pangkat yang berkuatkuasa di UMS;
- b) Membantu pihak Universiti untuk menilai calon yang mengemukakan permohonan sama ada mereka memenuhi syarat dan kriteria (minimum) untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan yang dipohon;
- c) Menjelaskan kepada pemohon mengenai langkah-langkah yang perlu diambil serta syarat dan kriteria yang perlu dipenuhi sebelum memohon; dan
- d) Membantu urus setia dan J / S / P / I / U dalam pelaksanaan eksesais kenaikan pangkat.

3.0 PUNCA KUASA

Lembaga Pengarah Universiti berkuasa untuk melantik dan menaikkan pangkat pekerja Universiti berdasarkan perenggan 4(1)(q) Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, (P.U (A) 460).

4.0 GLOSARI

Tafsiran yang berikut akan dipakai:

- (a) **“Lembaga Pengarah”** ertiannya Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Sabah seperti yang disebutkan dalam Seksyen 17 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah yang mempunyai fungsi dan kuasa sebagaimana diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.

- (b) **“Naib Canselor”** ertinya seorang Ketua Eksekutif bagi Universiti yang bertanggungjawab bagi keseluruhan fungsi pentadbiran, akademik dan pengurusan dan hal ehwal hari ke hari Universiti dan menjalankan pengawasan am ke atas segala peraturan mengenai pengajaran, penyelidikan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tataatirib di Universiti dan boleh menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberikan kepadanya oleh Perlembagaan, Statut, Kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan.
- (c) **“Pihak Berkuasa Universiti”** ialah Lembaga, Senat, Jawatankuasa Pengurusan Universiti atau apa-apa jua nama ia disebut dalam seksyen 16 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah dan termasuk mana-mana Pihak Berkuasa yang ditubuhkan oleh Statut;
- (d) **“Dekan / Pengarah”** ertinya Ketua J / S / P / I / U dan hendaklah menjalankan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang diberikan kepadanya oleh Statut, Kaedah-kaedah atau Peraturan-peraturan.
- (e) **“Jawatankuasa Pemilih”** adalah sebagaimana yang dinyatakan pada Seksyen 26 Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah.
- (f) **“Guru”** ertinya seseorang yang dilantik menjadi guru mengikut Perlembagaan Universiti Malaysia Sabah, dan ini termasuklah Profesor Kanan, Profesor, Profesor Madya, Felo, Penolong Profesor, Reader, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Penolong Pensyarah, Guru Bahasa dan Matrikulasi, dan Tutor.
- (g) **“Urus setia”** ertinya Unit kenaikan Pangkat, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.
- (h) **“Penilai Luar Jawatan Profesor”** ertinya Profesor daripada Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar Negara, yang diiktiraf dalam bidang kepakaran masing-masing, yang diperakarkan oleh Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan untuk menilai kelayakan pemohon daripada segi akademik.
- (i) **“Pentadbir”** ertinya Pegawai Tadbir dimana J / S / P / I / U tempat pemohon bertugas.
- (j) **“Calon”** ertinya pegawai akademik (guru) yang memohon jawatan kenaikan pangkat di UMS.
- (k) **“Jawatankuasa Tapisan & Kesarjanaan”** ertinya Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menilai kelayakan calon sama ada memenuhi syarat minimum yang ditetapkan untuk sesuatu jawatan.
- (l) **“J / S / P / I / U”** merujuk kepada Jabatan / Sekolah / Pusat / Institut / Unit.
- (m) **“Syarat dan Kriteria”** adalah seperti mana yang diperincikan mengikut jawatan pada klausula-klausula 13.0, 17.0, 18.0, 19.0, 20.0, 21.0, 22.0, 23.0 dan 24.0.
- (n) **“Etika Akademik”** adalah seperti mana yang dinyatakan dalam Kod Etika Ahli Akademik UMS.

5.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

a) Pemohon

- i. Membuat penilaian kendiri sama ada memenuhi syarat dan kriteria kelayakan kenaikan pangkat yang ditetapkan; dan
- ii. Memohon melalui *Sistem CV-Online* dan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap kepada urus setia.

b) Dekan / Pengarah

- i. Membuat penilaian yang adil mengenai keperibadian, disiplin dan prestasi perkhidmatan setiap pemohon.
- ii. Memperakukan atau tidak memperakukan calon berserta ulasan terhadap keputusan yang dilakukan.
- iii. Mencadangkan kepada Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan Calon Penilai Luar untuk permohonan kenaikan pangkat ke jawatan profesor yang berkelayakan, berkebolehan dan mempunyai kepakaran dalam bidang yang sama dengan pemohon.

c) Pentadbir J / S / P / I / U

Menghantar semua dokumen yang diperlukan untuk proses permohonan kenaikan pangkat kepada urus setia setelah diperakukan oleh Dekan / Pengarah.

d) Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan

- i. Menilai calon sama ada memenuhi kriteria minimum kenaikan pangkat;
- ii. Memperakukan calon yang layak untuk ke sesi temuduga;
- iii. Memberikan ulasan terperinci untuk calon-calon yang diperakukan dan yang tidak diperakukan ke sesi temuduga; dan
- iv. Menilai dan memperakukan Penilai Luar bagi pemohon untuk jawatan Profesor.

e) Jawatankuasa Pemilih

Menemuduga calon dan membuat penilaian sama ada memperaku atau tidak memperakukan calon untuk dinaikkan pangkat.

f) Urus setia

- i. Memastikan segala dokumen yang dihantar oleh pemohon adalah teratur sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan;
- ii. Memastikan dan mengesahkan setiap pemohon telah melepassi syarat umum yang ditetapkan;
- iii. Menjadi urus setia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan;
- iv. Menghantar maklumat calon dan mendapatkan maklumbalas daripada Penilai Luar bagi kenaikan pangkat ke jawatan Profesor;
- v. Mengeluarkan surat makluman sama ada berjaya atau tidak berjaya ke sesi temuduga kepada pemohon dalam masa 14 hari selepas Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan & Kesarjanaan disahkan;
- vi. Menguruskan sesi temuduga kenaikan pangkat;
- vii. Mengeluarkan surat makluman berjaya atau gagal kepada calon yang ditemuduga dalam masa 7 hari selepas menerima minit mesyuarat daripada Urus Setia Mesyuarat Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti (PBPU) bagi jawatan Profesor Madya dan Pensyarah Kanan; dan
- viii. Mengeluarkan surat makluman berjaya atau gagal kepada calon yang ditemuduga dalam masa 7 hari selepas menerima minit mesyuarat daripada Urus Setia Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) bagi Jawatan Profesor.

6.0 PENGIKLANAN DAN PELAWAAN KENAIKAN PANGKAT

Pengiklanan atau pelawaan bagi tujuan kenaikan pangkat ke sesuatu jawatan akan diuruskan oleh Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar. Iklan akan disiarkan melalui *email* kepada semua kakitangan akademik dan melalui surat edaran kepada J / S / P / I / U melalui Dekan / Pengarah. Permohonan boleh dibuat melalui sistem *CV-Online*.

7.0 PEGAWAI YANG LAYAK MEMOHON KENAIKAN PANGKAT

- a) Pegawai yang berjawatan tetap dan sedang berkhidmat aktif.
- b) Pegawai yang berjawatan tetap dan sedang;
 - i. Bercuti belajar bergaji penuh;
 - ii. Cuti belajar berbiasiswa;
 - iii. Cuti separuh gaji; atau
 - iv. Bercuti tanpa gaji;
- c) Pegawai yang berjawatan tetap dan sedang berkhidmat secara pertukaran sementara atau pinjaman ke agensi luar.

8.0 PEGAWAI YANG TIDAK LAYAK MEMOHON KENAIKAN PANGKAT

- a) Pegawai yang dilantik secara Kontrak, Sementara dan Sambilan.
- b) Pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib atau yang telah menerima hukuman tatatertib di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Tatatertib Universiti Malaysia Sabah. Tempoh anggota tidak layak untuk dipertimbangkan kenaikan pangkat adalah seperti berikut:

JENIS HUKUMAN TATATERTIB	TEMPOH ANGGOTA TIDAK LAYAK DIPERTIMBANGKAN DINAIKKAN PANGKAT
AMARAN	12 Bulan
DENDA	18 Bulan
LUCUT HAK EMOLUMEN	24 Bulan
TANGGUH PERGERAKAN GAJI	30 Bulan
TURUN GAJI	36 Bulan
TURUN PANGKAT	48 Bulan

* Sumber Rujukan: Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7 Tahun 2010

9.0 LAPORAN PENILAI LUAR UNTUK PERMOHONAN KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR

Penilai luar bagi jawatan Profesor mestilah seorang Profesor daripada Institusi Pengajian Tinggi di dalam dan luar negara, yang diiktiraf dalam bidang kepakaran masing-masing.

J / S / P / I / U perlu mencalonkan sekurang-kurangnya **enam (6)** orang Penilai Luar, iaitu 4 dari dalam negara dan 2 dari luar negara, dan dimajukan kepada urus setia. Ringkasan CV serta latar belakang Penilai Luar perlu disertakan. Urus setia Kenaikan Pangkat akan memajukan cadangan tersebut kepada Jawatankuasa Tapisan & Kesarjanaan untuk penilaian dan perakuan. Jawatankuasa ini berhak untuk menolak cadangan berkenaan dan boleh mengemukakan Penilai Luar yang lebih sesuai jika perlu.

Urus setia akan menghantar CV serta salinan senarai pencapaian akademik calon kepada Penilai Luar yang berkenaan. Tempoh selama **dua (2)** bulan diberikan untuk menyediakan laporan dan dihantar kembali kepada urus setia.

Permohonan calon yang layak ditemuduga dimajukan kepada Jawatankuasa Pemilih setelah urus setia menerima sekurang-kurangnya **tiga (3)** laporan yang positif daripada Penilai Luar (dua orang dalam Negara dan seorang luar Negara).

10.0 TARIKH KENAIKAN PANGKAT

Tarikh berkuatkuasa kenaikan pangkat adalah pada tarikh temuduga diadakan atau tarikh yang ditentukan oleh Jawatankuasa Pemilih.

11.0 PENGECUALIAN SYARAT

Bagi kes-kes khas, pertimbangan kenaikan pangkat pegawai boleh diberi atas budi bicara Naib Canselor dan diperakurkan oleh Jawatankuasa Pemilih.

12.0 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA**12.1 JAWATANKUASA PEMILIH PROFESOR KANAN DAN PROFESOR**

- i. Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- ii. Dua ahli Lembaga yang dilantik oleh Lembaga;
- iii. Ketua J / S / P / I / U yang baginya jawatan Profesor Kanan atau Profesor diuntukkan;
- iv. Dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat; dan
- v. Pendaftar sebagai Setiausaha.

12.2 JAWATANKUASA PEMILIH GURU (SELAIN PROFESOR KANAN DAN PROFESOR)

- i. Timbalan Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- ii. Dua ahli Senat yang dilantik oleh Senat;
- iii. Ketua J / S / P / I / U yang baginya jawatan itu diperuntukkan; dan
- iv. Pendaftar sebagai Setiausaha.

12.3 JAWATANKUASA TAPISAN DAN KESARJANAAN

- i. Naib Canselor atau Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Naib Canselor menjadi Pengerusi;
- ii. Ahli-ahli akademik kanan yang dilantik oleh Naib Canselor; dan
- iii. Ketua Bahagian Sumber Manusia sebagai Setiausaha.

13.0 SYARAT-SYARAT KENAIKAN PANGKAT**13.1 SYARAT UMUM**

- i. Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- ii. Mencapai tahap prestasi (LNPT) yang ditetapkan iaitu memperolehi purata sekurang-kurangnya 80% dan ke atas bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut (tidak termasuk dalam tempoh cuti belajar);
- iii. Diperakurkan oleh Ketua Jabatan;
- iv. Berjawatan tetap dan
- v. Bebas dari tindakan tatatertib.

13.2 SYARAT KHUSUS

13.2.1 PENSYARAH KANAN GRED DS52

- i. Memenuhi syarat di **klausa 13.1**;
- ii. Memenuhi salah satu kategori yang dinyatakan dibawah: dan
- iii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

KATEGORI	KRITERIA CALON	SYARAT KHUSUS
1	Mempunyai kelulusan PhD	Calon akan dipertimbangkan terus ke Gred DS52 tertakluk memenuhi syarat umum kenaikan pangkat dan tidak mempunyai masalah etika akademik (rujuk Kod Etika Ahli Akademik UMS yang telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengaruh Universiti Kali Ke-45 pada 02 Disember 2010)
2	<p>Pernah mengikuti pengajian di peringkat PhD tetapi gagal / tidak selesai atas sebab-sebab yang boleh diterima</p> <p>ATAU</p> <p>Sedang mengikuti pengajian dalam peringkat PhD</p>	<p>Minimum tempoh perkhidmatan yang diambilkira ialah 5 tahun <i>(Kriteria yang digunakan oleh UMS)</i></p> <p>DAN</p> <p>Menunjukkan prestasi akademik yang cemerlang dalam kriteria-kriteria berikut: <i>(Kecemerlangan dinilai dari segi kuantiti dan kualiti seperti yang diperincikan dalam klausa 17.0 dan klausa 18.0)</i></p> <ul style="list-style-type: none"> a. Pengajaran dan Penyeliaan; b. Penyelidikan dan Penerbitan; c. Persidangan; dan d. Khidmat Kepada Universiti <p>DAN</p> <p>Tidak mempunyai masalah etika akademik</p> <p>ATAU</p> <p>Mempunyai kelayakan profesional</p>
3	Belum mempunyai PhD / Tidak pernah mengikuti PhD	Pertimbangan untuk kenaikan pangkat bagi keskes khas adalah atas budi bicara Naib Canselor

Catatan:

Tafsiran bagi tempoh perkhidmatan minimum lima (5) tahun yang diambilkira ialah:

- a. Tempoh perkhidmatan selepas kakitangan **Disahkan Dalam Jawatan** sebagai DS45; dan
- b. **TIDAK** termasuk tempoh perkhidmatan sebagai Tutor / Felo Siswazah dan tempoh Cuti Belajar.

13.2.2 PROFESOR MADYA GRED DS / DU54

- i. Memenuhi syarat di **klausa 13.1**; dan
 - ii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 Tahun** sebagai Pensyarah Kanan (*tidak termasuk tempoh cuti belajar selepas dilantik ke Pensyarah Kanan*); dan
 - iii. Membuktikan tahap prestasi yang cemerlang dalam dua kriteria utama seperti di bawah mengikut skop masing-masing, khususnya selepas kenaikan pangkat ke jawatan terdahulu. Kecemerlangan dinilai dari segi kuantiti dan kualiti seperti yang diperincikan dalam **klausa 17.0** dan **klausa 19.0** atau **klausa 20.0**;
 - a. Pencapaian Akademik:
 - Pengajaran dan Penyeliaan;
 - Penyelidikan dan Penerbitan;
 - Persidangan;
 - Sanjungan serta Perundingan; dan
 - Kepimpinan Akademik.
 - b. Khidmat kepada Universiti:
Calon telah memberi sumbangan bukan akademik secara signifikan dalam pengurusan dan pembangunan UMS. Sumbangan yang signifikan merujuk kepada khidmat bakti yang banyak dan berterusan. Khidmat masyarakat di luar Universiti boleh juga diambilkira dalam kriteria ini.
- dan
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang mendalam dalam bidang khusus berkenaan; dan
 - v. Mempunyai kualiti peribadi yang tinggi sebagaimana yang diperincikan dalam **klausa 14.7**, **klausa 17.0** dan **klausa 19.0** atau **klausa 20.0**.

13.2.3 PROFESOR GRED KHAS C (VK7)

- i. Memenuhi syarat di **klausa 13.1**; dan
- ii. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya **3 Tahun** sebagai Profesor Madya; dan
- iii. Membuktikan tahap prestasi yang cemerlang dalam dua kriteria utama seperti di bawah mengikut skop masing-masing, khususnya selepas kenaikan pangkat ke jawatan terdahulu. Kecemerlangan dinilai dari segi kuantiti dan kualiti seperti yang diperincikan dalam **klausa 21.0** atau **klausa 22.0**, dan **klausa 23.0**;
 - a. Pencapaian Akademik:
 - Pengajaran dan Penyeliaan;
 - Penyelidikan dan Penerbitan;
 - Persidangan;
 - Sanjungan serta Perundingan; dan
 - Kepimpinan Akademik termasuk kepimpinan dalam penyelidikan.
 - b. Khidmat kepada Universiti:
Calon telah memberi sumbangan bukan akademik secara signifikan dalam pengurusan dan pembangunan UMS. Sumbangan yang signifikan merujuk kepada khidmat bakti yang banyak dan berterusan. Khidmat masyarakat di luar Universiti boleh juga diambilkira dalam kriteria ini.
dan
- iv. Mempunyai pengalaman berkaitan yang mendalam dalam bidang khusus berkenaan; dan
- v. Mempunyai kualiti peribadi yang tinggi sebagaimana yang diperincikan dalam **klausa 14.7**, **klausa 17.0** dan **klausa 21.0** atau **klausa 22.0**; dan
- vi. Mendapat laporan penilaian yang positif daripada Penilai Luar Jawatan Profesor iaitu minimum dua (2) orang penilai dalam negara dan seorang penilai luar negara.

14.0 DEFINISI KRITERIA-KRITERIA KHUSUS KENAIKAN PANGKAT

14.1 Pengajaran dan Penyeliaan

i. Pengajaran:

Merujuk kepada bilangan kursus yang dilaksanakan dan beban pengajaran calon.

ii. Penyeliaan:

Merangkumi penyeliaan pelajar pascasiswazah dan penyeliaan klinikal.

14.2 Penyelidikan dan Penerbitan

Kriteria ini diberi keutamaan kerana aktiviti ini bukan sahaja dapat memperluaskan bidang pengetahuan tetapi juga menyumbang kepada aktiviti pengajaran yang lebih berkesan (lebih terkini, lebih *hands-on*, dsb). Malah, aktiviti ini akan menyumbang kepada semua aktiviti lain yang disenaraikan.

Tiga aktiviti / hasil diambil kira:

- Bilangan dan amaun geran penyelidikan;
- Penerbitan (buku dan jurnal terindeks); dan
- Hasil Penyelidikan dan Penerbitan yang lain.

14.3 Perundingan

Pada asasnya, dua jenis perundingan dikenalpasti, iaitu dengan kewangan dan tanpa kewangan. Perbezaan aras antara kedua-duanya ialah ganjaran kewangan yang diperolehi oleh calon (tidak termasuk honorarium, *per diem*, dsb.), dan sama ada projek ini melibatkan pembayaran kepada Universiti atau tidak.

Perundingan yang membawa kewangan digalakkan dalam era pengkorporatan. Akan tetapi, projek-projek yang berbentuk khidmat kepada masyarakat (tanpa caj) terus digalakkan dengan syarat klien tidak akan mengambil keuntungan dari projek tersebut.

14.4 Persidangan

Ini merujuk kepada seminar, persidangan dan / atau bengkel dalam dan luar negara yang dihadiri sebagai pembentang kertas dasar, lisan dan poster, atau sebagai peserta.

14.5 Khidmat kepada Universiti

Kriteria ini mengukur sumbangan calon dalam pentadbiran dan aktiviti Universiti.

Dari segi pentadbiran, terdapat dua jenis penglibatan:

- Secara pelantikan (Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor, Dekan / Pengarah, Timbalan Dekan / Timbalan Pengarah, Pengurus / Penyelaras); dan

(b) Ahli atas nama.

Berbeza daripada bahagian-bahagian lain yang mengukur sumbangan akademik calon, bahagian Khidmat Kepada Universiti adalah mengukur sumbangan calon dalam bidang bukan akademik. Markah diberikan kepada sesuatu pelantikan dan tidak mengambil kira beban tugas yang terlibat. Markah diberikan hanya sekali bagi sesuatu pelantikan, dan dengan itu tiada markah tambahan akan diberikan bagi tugas-tugas yang dikaitkan kepada jawatan yang dipegangnya. Bagaimanapun, markah tambahan diberikan sekiranya beliau dilantik sebagai ahli sesuatu jawatankuasa atas nama sendiri. Calon mestilah memberi sumbangan bukan akademik secara signifikan dalam pengurusan dan pembangunan Universiti. Calon juga dikira memberikan khidmat kepada Universiti apabila calon menggunakan kepakaran atau kemahiran dalam membantu membangunkan masyarakat sekeliling. Dalam keadaan tertentu, sumbangan yang tidak melibatkan kepakaran namun dapat memberikan impak yang besar kepada Negara boleh diambil kira. Khidmat kepada masyarakat di luar kampus boleh diambil kira dalam kriteria ini.

14.6 Sanjungan Akademik

Pengiktirafan yang diberi oleh pihak Universiti dan / atau pihak luar Universiti. Ini termasuklah:

- a) Anugerah Akademik;
- b) Anugerah Penyelidikan;
- c) Pemeriksa luar tesis Sarjana dan PhD / Pewasit Penerbitan Saintifik / Penilai Luar program atau fakulti;
- d) Ahli bagi Jawatankuasa peringkat kebangsaan dan / atau antarabangsa;
- e) Ahli Panel / Penceramah Jemputan;
- f) Sidang Editorial (semua penerbitan); dan
- g) Ahli Jawatankuasa Persatuan Profesional / Akademik.

14.7 Kualiti Peribadi

Calon perlu menunjukkan prestasi yang baik dalam kualiti peribadi berikut:

- a) Kerja Berpasukan;
- b) Sahsiah Peribadi;
- c) Mematuhi Arahan Ketua;
- d) Bertanggungjawab; dan
- e) Etika Akademik.

15.0 ALIRAN KERJA PROSES KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS52 DAN PROFESOR MADYA GRED DS / DU54

Jadual Aliran Kerja
Proses Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS52 dan Profesor Madya DS / DU54

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
Iklan	Hebahan melalui email dan surat kepada J / S / P / I / U	Urusetia
Hantar Pemohonan	Permohonan dihantar melalui cv- <i>online</i> dan menghantar dokumen sokongan kepada BSM	Pemohon
Minit Perakuan Dekan / Pengarah	Memberi penilaian secara menyeluruh dan memberikan ulasan sama ada memperakuan atau tidak memperakuan calon	Dekan / Pengarah J / S / P / I / U
Hantar Minit Perakuan	Menghantar minit perakuan Dekan / Pengarah	Pentadbir J / S / P / I / U
Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan	Menilai dan menapis permohonan calon sama ada melepas kriteria minimum	Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih	Menemuduga calon yang telah diperakuan di peringkat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan	Jawatankuasa Pemilih
Pengesahan PBPU	Pihak PBPU memperakuan keputusan Jawatankuasa Pemilih	Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti
Surat	Mengeluarkan surat berjaya atau tidak berjaya kepada calon dalam tempoh 7 hari selepas menerima minit PBPU	Urusetia

16.0 ALIRAN KERJA PROSES KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PROFESOR GRED KHAS C (VK7)

*Jadual Aliran Kerja
Proses Kenaikan Pangkat Ke Jawatan Profesor Gred Khas C (VK7)*

PROSES	AKTIVITI	TANGGUNGJAWAB
Iklan	Hebahan melalui email dan surat kepada J / S / P / I / U	Urusetia
Hantar Pemohonan	Permohonan dihantar melalui cv online dan menghantar dokumen sokongan kepada BSM	
Minit Perakuan Dekan / Pengarah	Memberi penilaian secara menyeluruh dan memberikan ulasan sama ada memperakuan atau tidak memperakuan calon	Dekan / Pengarah J / S / P / I / U
Hantar Minit Perakuan	Menghantar minit perakuan Dekan / Pengarah	Pentadbir J / S / P / I / U
Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan	Menilai dan menapis permohonan calon sama ada melepas kriteria minimum untuk dinilai oleh Penilai Luar	Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan
Penilai luar	Penilaian Penilai Luar	Urusetia
Mesyuarat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan	Mengesahkan laporan penilai luar sebelum calon dipanggil untuk ke sesi temuduga	Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan
Mesyuarat Jawatankuasa Pemilih	Menemuduga calon yang telah diperakuan di peringkat Jawatankuasa Tapisan dan Kesarjanaan dan telah mendapat penilai yang cukup	Jawatankuasa Pemilih
Pengesahan PBPU	Pihak PBPU memperakuan keputusan Jawatankuasa Pemilih	Pihak Berkuasa Pengurusan Universiti
Pengesahan LPU	Perakuan Lembaga Pengarah Universiti	Lembaga Pengarah Universiti
Surat	Mengeluarkan surat berjaya atau tidak berjaya kepada calon dalam tempoh 7 hari selepas menerima minit LPU	Urusetia


17.0 MARKAH MAKSIMUM SETIAP KRITERIA PENILAIAN MENGIKUT JAWATAN YANG DIPOHON

KRITERIA *		JAWATAN				
		PENSYARAH KANAN DS52	PROFESOR MADYA DS54	PROFESOR MADYA DU54	PROFESOR VK7	PROFESOR VK7 (PERUBATAN)
1.	Pengajaran & Penyeliaan	40	30	30	25	20
2.	Penyelidikan & Penerbitan	30	30	20	35	25
3.	Khidmat Kepada Universiti	20	20	15	15	15
4.	Persidangan	10	10	5	5	5
5.	Sanjungan & Kepimpinan Akademik	5 (Markah Bonus)	5	5	10	5
6.	Perundingan	5 (Markah Bonus)			5	5
7.	Kualiti Peribadi (Wajib)	-	5	5	5	5
8.	Rawatan Pesakit	-	-	20	-	20
JUMLAH		100 + 10	100	100	100	100

* Nota:

Calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya 50% daripada markah maksimum setiap kriteria mengikut jawatan yang dipohon

PENSYARAH KANAN GRED DS52



18.0 PERINCIAN KAEDAH PERMARKAHAN SETIAP KRITERIA PENILAIAN BAGI KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENSYARAH KANAN GRED DS52

Bil.	Kriteria / Sub-Kriteria	Markah Maksimum	Markah Maksimum Sub-kriteria	Markah setiap hasil
1.0	Pengajaran dan Penyeliaan	40		
1.1	Pengajaran pascasiswazah dan prasiswazah <ul style="list-style-type: none"> • Kuantiti • Kualiti • Kreativiti 		30	20 5 5
1.2	Penyeliaan pascasiswazah dan prasiswazah (Sebagai penyelia utama @ penyelia bersama)		10	
	<ul style="list-style-type: none"> • Penyeliaan Prasiswazah <ul style="list-style-type: none"> a) Projek tahun akhir b) Latihan ilmiah / praktikum (Perubatan) c) Latihan industri / Praktikum • Penyeliaan Profesional <ul style="list-style-type: none"> a) Persembahan b) Klinikal c) Kejuruteraan • Pascasiswazah (selesai dan lulus) <ul style="list-style-type: none"> a) PhD b) Disertasi Kedoktoran (Mod campuran) / Mmed (mod campuran) c) Sarjana (Penyelidikan) d) Disertasi Sarjana (Mod campuran) e) Projek (Kerja Kursus) • Pascasiswazah (sedang maju) <ul style="list-style-type: none"> a) PhD b) Disertasi Kedoktoran (Mod campuran) / Mmed (mod campuran) c) Sarjana (Penyelidikan) d) Disertasi Sarjana (Mod campuran) e) Projek (Kerja Kursus) 		1 1 0.5 1 1 1 5 4 2 2 2 2 2 3 2 1 1 1	
2.0	Penyelidikan dan Penerbitan	30		
2.1	Geran Penyelidikan		10	
	<ul style="list-style-type: none"> a) Universiti b) Kebangsaan / Antarabangsa 			5 10

2.2	Penerbitan Sebagai Hasil Penyelidikan		20	
	<ul style="list-style-type: none"> • Buku <ul style="list-style-type: none"> a) Buku b) Bab dalam buku • <i>Indexed cited jurnal</i> <ul style="list-style-type: none"> a) Penulis Utama b) Penulis Bersama • <i>Non-cited jurnal</i> <ul style="list-style-type: none"> a) Penulis Utama b) Penulis Bersama • Prosiding • Abstrak / Laporan Klinikal / Teknikal Artikel dalam majalah dan surat khabar / Penerbitan popular • Hasil terjemahan • Modul Pengajaran • Karya kreatif profesional (Studio / Lukisan / Penulisan kreatif / Muzik) • Penerbitan tak berkala (manual / protokol) 		6 3 4 2 3 1 1 1 1 1 1 1 1	
2.3	<ul style="list-style-type: none"> • Penerbitan lain <ul style="list-style-type: none"> a) Buku teks peringkat Pra-Universiti b) Kerja penyuntingan (Buku / video / filem dan lain-lain) c) Multimedia (CAI dan lain-lain) d) Penulisan kreatif (Novel / Antologi cerpen / Antologi Puisi) e) Penulisan dalam media massa 		1 1 1 1 1 1 1	
3.0	Persidangan	10		
3.1	Menghadiri Persidangan Antarabangsa <ul style="list-style-type: none"> a) Sebagai '<i>plenary speaker</i>' / <i>invited speaker</i> b) Pembentangan kertas kerja c) Poster d) Pengerusi sesi e) Peserta 		3 3 3 3 1	
3.2	Menghadiri Persidangan Peringkat Kebangsaan <ul style="list-style-type: none"> a) Sebagai <i>invited</i> / <i>plenary speaker</i> b) Pembentang kertas kerja c) Pembentang poster d) Pengerusi sesi e) Peserta 		2 2 2 2 1	
3.3	Ahli jawatankuasa Persidangan <ul style="list-style-type: none"> a) Peringkat Antarabangsa b) Peringkat Kebangsaan 		2 1	


4.0	Khidmat Kepada Universiti / Masyarakat	20		
4.1	Khidmat kepada Universiti (Pentadbiran) <ul style="list-style-type: none"> a) Dekan / Pengarah / Ketua Unit b) Timbalan Dekan / Timbalan Pengarah / Pengetua c) Ketua Program / Penyelaras Program / Modul d) Felo 			10 6 4 2
4.2	Khidmat Kepada Universiti (Keahlian Jawatankuasa) <ul style="list-style-type: none"> a) Jawatankuasa peringkat Universiti b) Jawatankuasa peringkat S / P / I / U c) Jawatankuasa lain-lain 			2 1 1
4.3	Mewakili Universiti (Sukan / kegiatan Bukan Akademik termasuk pertandingan rekabentuk / menari / debat)			1
4.4	Khidmat Kepada Masyarakat <ul style="list-style-type: none"> a) Peringkat Antarabangsa b) Peringkat Kebangsaan 			3 2
5.0	Sanjungan dan Kepimpinan Akademik	5		
